

## LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda menggunakan Kad Kredit HSBC Bank kerana penggunaan Kad Kredit HSBC Bank tertakluk kepada Perjanjian Pemegang Kad yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat Universal).

### Kad Kredit yang ditawarkan oleh HSBC Bank Malaysia Berhad

- Kad Kredit HSBC Visa Platinum/Platinum Mastercard®
- Kad Kredit HSBC Live+
- Kad Kredit HSBC Visa Signature
- Kad Kredit HSBC TravelOne Mastercard®
- Kad Kredit HSBC Premier World Mastercard®
- Kad Kredit HSBC Premier World Travel Mastercard®

#### 1. Apakah ciri-ciri produk ini?

Produk ini ialah Kad Kredit dengan kemudahan kredit yang diberikan oleh HSBC Bank Malaysia Berhad kepada anda dan sekiranya sebarang jumlah kredit yang digunakan oleh anda tidak dijelaskan sepenuhnya pada atau sebelum tarikh yang ditetapkan, jumlah yang belum dijelaskan akan dikenakan caj kewangan. Sila baca dokumen ini bersama Pek Alu-aluan Kad Kredit masing-masing, yang mengandungi lebih banyak maklumat tentang produk.

#### 2. Apakah kemudahan yang saya perolehi daripada produk ini?

- i) Had Kredit yang disediakan dan Manfaat Produk seperti yang dinyatakan dalam Pek Alu-aluan Kad Kredit masing-masing
- ii) Caj Kewangan

Caj Kewangan	Kadar Tahunan	Catatan
Pembelian	15.0%	Tahap 1: Pemegang Kad dengan pembayaran segera selama 12 bulan berturut-turut.
	17.0%	Tahap 2: Pemegang Kad dengan pembayaran segera selama 10 bulan berturut-turut atau lebih dalam 12 bulan yang lalu.
	18.0%	Tahap 3: Pemegang Kad yang tidak termasuk dalam kategori di atas.
Pendahuluan Tunai	18.0%	Daripada baki terkumpul daripada Pendahuluan Tunai yang dikira secara dasar harian.
Ansuran Pindahan Baki Pelan Ansuran Tunai Pelan Ansuran Kad Pelan Penukaran Baki Penukaran Baki Automatik Relief Balance Conversion SmartCash Plus	Sehingga 18.0%	Daripada baki terkumpul daripada jumlah Ansuran atau Pelan masing-masing/ SmartCash Plus yang dikira atas dasar baki berkurangan.

Untuk menikmati Caj Kewangan yang lebih rendah untuk transaksi runcit, anda harus membuat 10 bayaran tepat pada masanya dalam 12 bulan terdahulu.

#### iii) Program Penukaran Baki Automatik (ABC):

Sah bagi pemegang kad terpilih yang memenuhi kriteria kelayakan yang berikut:

a. Pendapatan tahunan kurang daripada atau bersamaan RM60,000

b. Nisbah bayaran\* dalam tempoh 12 bulan adalah kurang daripada atau bersamaan 10%

\* Nisbah bayaran = Jumlah bayaran yang dibuat dalam tempoh 12 bulan lepas/Jumlah baki penyata dalam tempoh 12 bulan lepas.

Pemegang kad layak akan dinilai secara automatik dan didaftarkan bagi program ABC setiap 12 bulan dengan notis selepas memenuhi kriteria kelayakan. Untuk maklumat lanjut dan terma dan syarat produk, sila rujuk [www.hsbc.com.my/abc](http://www.hsbc.com.my/abc)

### 3. Apakah kewajipan saya?

#### i) Bayaran Bulanan Minimum

5% daripada Baki Semasa + 100% ansuran bulanan Pelan Ansuran Kad Kredit (jika ada) + dan sebarang bayaran minimum tertinggal yang dinyatakan dalam penyata Kad bulan sebelumnya ATAU RM50 yang mana lebih tinggi.

Pelan Ansuran Kad Kredit bermaksud semua pelan ansuran termasuk tetapi tidak terhad kepada Pelan Ansuran Kad (IPP), Pelan Ansuran Tunai (CIP), Ansuran Pindahan Baki (BTI), Pelan Penukaran Baki (BCP), Penukaran Baki Automatik (ABC) dan SmartCash Plus (SCP).

#### ii) Tempoh Bebas

Tempoh Bebas bermaksud suatu tempoh bebas faedah / bebas Caj Kewangan bagi tempoh sekurang-kurangnya 20 hari bagi semua transaksi jika anda membuat pembayaran penuh untuk Penyata Kad sebelumnya pada atau sebelum Tarikh Kena Bayar yang dinyatakan, dengan syarat bahawa tidak terdapat jumlah terhutang dalam Pendahuluan Tunai dalam Penyata Kad Anda yang sebelumnya. **Sebagai pemegang Kad Utama, anda bertanggungjawab terhadap semua transaksi yang ditanggung oleh Pemegang Kad Tambahan**

### 4. Apakah Yuran dan Caj yang perlu saya bayar?

Yuran Tahunan		
Jenis Kad	Utama (RM)	Tambahan (RM)
Kad Kredit HSBC Platinum	240	120
Kad Kredit HSBC Live+	300	150
Kad Kredit HSCB TravelOne Mastercard®	300	150
Kad Kredit HSBC Visa Signature	600	300
Kad Kredit HSCB Premier World Mastercard®	Dikecualikan	Dikecualikan
Kad Kredit HSCB Premier World Travel Mastercard®	600	Dikecualikan

Sila rujuk kepada Tarif dan Caj HSBC untuk butiran lanjut tentang Yuran Tahunan.

Yuran Pendahuluan Tunai	5% daripada jumlah yang didahulukan atau sekurang-kurangnya RM15, yang mana lebih tinggi. Yuran ini dikenakan bagi setiap urusniaga Pendahuluan Tunai  2% daripada jumlah yang diluluskan. Yuran ini dikenakan bagi setiap urusniaga Pelan Ansuran Tunai kurang daripada RM5,000, sekiranya dinyatakan selain.
Pertukaran Urus Niaga Luar Negara	Jika Pemegang Kad menggunakan Kad Kredit untuk transaksi dalam mata wang lain selain daripada Ringgit Malaysia, jumlah tersebut hendaklah ditukar berdasarkan kepada jumlah pertukaran matawang asing yang ditentukan oleh Visa International/ Mastercard International, termasuk kos pertukaran matawang asing sebanyak 1% serta sebarang fi lain yang dikenakan oleh Visa International/ Mastercard® International.
Yuran Mencetak Draf Jualan	RM20 setiap salinan.
Yuran Permintaan Penyata Tambahan	Jika penyata untuk 12 bulan lepas: RM2 setiap halaman.  Jika penyata melebihi 12 bulan: RM20 setiap permintaan dan RM2 setiap halaman.

<b>Yuran Penggantian Kad</b>	RM50 setiap kad.
<b>Yuran Terlebih Had</b>	Tidak Berkenaan.
<b>Cukai Perkhidmatan</b>	RM25 setahun setiap kad (Utama dan Tambahan).

Yuran dan caj seperti yang dinyatakan di Tarif dan Caj HSBC dan cukai terpakai, jika ada.

## 5. Bagaimana jika saya gagal memenuhi kewajipan saya?

### i) Fi Bayaran Lewat

Minimum RM 10 atau 1% daripada baki tertunggak yang mana lebih tinggi, sehingga maksimum RM100.

### ii) Hak untuk Mengimbang

HSBC Bank Malaysia Berhad berhak untuk mengimbangi mana-mana baki kredit dalam Akaun anda di HSBC Bank Malaysia Berhad bagi sebarang baki belum jelas dalam Akaun Kad Kredit ini.

### iii) Liabiliti untuk Urus Niaga Tanpa Kebenaran

Pemegang kad mesti sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya untuk mencegah kerugian atau kecurian kad kredit dan tidak mendedahkan PIN kepada orang yang tidak dibenarkan. Jika Pemegang Kad mendapati bahawa kad kredit hilang, dicuri atau terdapat transaksi tidak sah yang dicajkan kepada kad kredit atau PIN mungkin terdedah, Pemegang Kad mesti: (i) memaklumkan kepada Bank serta-merta; (ii) membuat laporan polis; dan (iii) seterusnya memaklumkan kepada Bank dengan satu salinan laporan polis. Pemegang kad tidak bertanggungjawab terhadap transaksi kad yang dipertikaikan melainkan jika didapati bahawa mereka telah (i) melakukan penipuan; atau (ii) tidak memberitahu Bank secepat mungkin selepas mendapati kerugian/kecurian kad kredit atau transaksi tidak sah atas kad kredit; atau (iii) secara sukarela mendedahkan PIN kepada orang lain atau (iv) mencatatkan PIN pada kad kredit atau apa jua yang disimpan berhampiran kad kredit; (v) telah meninggalkan kad kredit atau barang mengandungi kad tidak dijaga di tempat yang boleh dilihat dan dicapai oleh orang lain atau (vi) secara sukarela membenarkan orang lain menggunakan kad kredit. Jika tidak Bank akan mengenakan jumlah penulur transaksi yang tidak sah (termasuk faedah dan caj bayaran lewat yang berkenaan) ke atas Pemegang Kad.

Sila rujuk kepada Perjanjian Pemegang Kad yang membentuk sebahagian daripada Terma dan Syarat Universal.

## 6. Apakah yang akan terjadi sekiranya saya menjelaskan baki secara sepenuhnya sebelum kematangan?

Bagi Pelan Ansuran Kad, Pelan Ansuran Tunai, Ansuran Pindahan Baki, Pelan Penukaran Baki, Penukaran Baki Automatik dan SmartCash Plus:

Pemegang Kad boleh pada bila-bila masa menjelaskan jumlah principal terutang secara sepenuhnya dengan menelefon pusat hubungan HSBC. Apabila permintaan tersebut diproseskan, pemegang-pemegang kad perlu membayar jumlah principal terutang sepenuhnya bersama dengan fi-fi dan caj-caj (Jika ada). Sila rujuk kepada Terma-Terma dan Syarat-Syarat spesifik di [www.hsbc.com.my](http://www.hsbc.com.my).

## 7. Apakah risiko utama yang dihadapi?

i) Jika anda hanya membayar jumlah kena bayar minimum, masa lebih lama diperlukan dan jumlah lebih besar diperlukan untuk menjelaskan baki tertunggak. Pertimbangkan kemampuan anda membuat bayaran balik anda apabila menggunakan Kad Kredit.

ii) Jika anda menggunakan kad kredit untuk menjelaskan pembiayaan lain anda, kos anda mungkin lebih tinggi.

iii) Anda hendaklah memberitahu kami serta-merta selepas mendapati kehilangan atau penggunaan tidak sah kad kredit.

iv) Dengan memberikan notis, kami berhak untuk menolak selesai/ menamatkan kemudahan kad kredit lain yang anda ada dengan kami menurut terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad.

v) Kegagalan untuk membayar Bayaran Bulanan Minima pada Tarikh Kena Bayar, boleh mempengaruhi penilaian kredit anda seperti mana yang dilaporkan kepada CCRIS (Central Credit Reference Information System).

**8. Apa yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan kepada maklumat hubungan saya?**

Anda hendaklah memaklumkan kami tentang sebarang perubahan maklumat hubungan untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**9. Di mana saya boleh mendapatkan bantuan dan membuat aduan?**

i) Jika anda mempunyai sebarang masalah menjelaskan baki Kad Kredit anda dan ingin membincangkan alternatif pembayaran balik atau membuat aduan tentang produk dan servis. Anda boleh menghubungi kami di:

**Perkhidmatan Kad HSBC Bank Malaysia Berhad**

Peti Surat 13688

50818 Kuala Lumpur

Tel: 03-8321 5400 or 1300-88-1388

Laman Web: [www.hsbc.com.my](http://www.hsbc.com.my)

ii) Di samping itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), iaitu agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan wang, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturkan semula pinjaman secara percuma bagi individu. Anda boleh menghubungi AKPK. Jika anda bermintah memperoleh pengetahuan yang meliputi penggunaan kredit yang bijak dan asas pengurusan wang, sila pertimbangkan Program 'Pengurusan Wang Ringgit Anda' (POWER) yang dikendalikan oleh AKPK. Untuk maklumat lanjut atau pendaftaran ke dalam program ini, sila menghubungi AKPK di 03 2616 7766 atau layari laman web di [www.akpk.org.my](http://www.akpk.org.my).

iii) Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan oleh pihak kami dengan cara yang memuaskan, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

**Block D, Bank Negara Malaysia**

Jalan Dato' Onn

50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300 88-5465

Faks: 03-2174 1515

E-mel: [bnmtelelink@bnm.gov.my](mailto:bnmtelelink@bnm.gov.my)

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MEMBUAT PEMBAYARAN BALIK BAKI KAD KREDIT ANDA.**

Maklumat yang diberikan dalam lembaran pendedahan produk ini adalah sah mulai 01/08/2024.

Dikeluarkan oleh HSBC Bank Malaysia Berhad (No. Syarikat 198401015221 (127776-V)).